

19 Julai, 1981

Wujud semula setelah diubah nama

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mempunyai sejarahnya tersendiri setelah tenggelam timbul di bawah pimpinan beberapa Perdana Menteri.

Di zaman pemerintahan Tengku Abdul Rahman, Kementerian itu dinamakan Kementerian Luar Bandar dipegang oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, Disember 1969.

Selepas pilihanraya umum 1964 Tun Abdul Razak terus memegang kementerian itu dengan nama Kementerian Peribangunan Negara dan Luar Bandar, di samping tiraju Kementerian Pertahanan.

Antara lain, Kementerian tersebut bertanggungjawab terhadap pentadbiran MARA, Kemajuan Masyarakat, Pembangunan Koperatif dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Bulan Mei 1969, Tun Razak melepaskan Kementerian tersebut kepada Encik Ghaffar Baba, dalam rombakan kabinet Tengku Abdul Rahman.

Kementerian itu kemudian ditukarkan nama sekali lagi dalam kabinet Tun Abdul Razak dengan nama Kementerian Pertanian dan Luar Bandar, masih dipegang oleh Encik Ghaffar Baba, hinggalah beliau meletakkan jawatan.

Dalam rombakan kabinet Datuk Hussein Onn dalam bulan Mac 1976, Kementerian Luar Bandar tidak diwujudkan.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia